

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Asal usul pencak silat

BERITA HARIAN, 21 March 2003, Page 24

Asal usul pencak silat **SENI BELA DIRI** **SERAMBI WARISAN** Sumbangan Taman Warisan Melayu **OLEH** **ARIF ZAHARI**

PENCAK silat ialah seni mempertahankan diri yang telah diamalkan oleh penduduk Nusantara sejak zaman dahulu.

Seni ini dinamakan pencak atau silat tiada pula diketahui dengan tepat, tetapi nama pencak dan silat yang disatukan penggunaannya sebagai ‘pencak silat’ mula digunakan secara rasmi semenjak Ikatan Pencak Silat Indonesia, atau ringkasnya IPSI ditubuhkan.

Mungkin ada juga pihak-pihak lain yang sama menggunakan secara rasmi bagi menamakan kumpulan-kumpulan mereka.

Di Singapura badan induk persilatannya menggunakan perkataan silat, iaitu Persekutuan Silat Singapura atau Persisi.

Di Malaysia juga menggunakan perkataan silat, iaitu Persatuan Silat Kebangsaan atau ringkasnya Pesaka.

Perkataan silat juga telah digunakan apabila Persekutuan Silat Antarabangsa dengan singkatannya Persilat, ditubuhkan oleh ketiga-tiga negara yang tersebut itu sebagai negara pendiri, di awal penubuhannya.

Menurut beberapa kamus, perkataan pencak dan silat mempunyai sama erti. Yang berbeza hanyalah susunan kata-kata penerangannya.

Sekadar contoh: *Kamus Dewan* edisi baru 1989, memberi erti perkataan ‘pencak’ sebagai: *kepandaian menangkis atau me-*

ngelak dan lain-lain untuk mempertahankan diri, silat.

Perkataan silat pula diberikan kata perkerahan; *sejenis seni atau permainan dan sebagainya atau kepandaian berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri, pencak.*

Kamus Dewan juga memberikan ayat contoh penggunaan perkataan silat sebagai; *sebelah kanan orang memencak, sebelah kiri orang bersilat.* Cuma kamus ini saja yang memberikan erti perkataan ganding pencak silat, sebagai *permainan menangkis atau mengelak dengan menggunakan senjata untuk mempertahankan diri.*

Kamus-kamus lain seperti *Kamus Lengkap* dan *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, hanya memberikan erti perkataan pencak, akan terdapat perkataan silat sebagai perkataan seertinya, begitu juga sebaliknya.

Tidak terdapat perkataan pencak dan silat dalam beberapa kamus yang mengan dungi perkataan-perkataan Sanskrit dan Kawi.

Maka itu dipercayai bahawa perkataan-perkataan pencak dan silat itu asli Nusantara mungkin daripada bahasa Jawa atau bahasa Melayu.

Perkataan pencak turut tersenarai dalam *Kamus Umum Bahasa Indonesia* dan *Kamus Jawa — Indonesia*. Perkataan silat juga diperkirakan asli Melayu yang seerti dengan perkataan pencak.

Perkataan lain yang seerti dengan perkataan pencak dan silat ialah: gayung, terlak dan serama.

Bagaimanapun, nama-nama ini jarang digunakan sebagai kekata am bagi jenis-jenis seni mempertahankan diri Melayu seperti penggunaan perkataan pencak dan silat.

Tidak terdapat penggunaannya seperti Gayung Pahlawan atau Terlak Panglima ataupun Serama Laksamana. Sebaliknya ada yang menjadi nama khas bagi jenis silat itu sendiri, seperti *Silat Gayung*.

Antara ketiga-tiga perkataan itu, perkataan gayunglah yang mempunyai berbagai makna. Selain bererti pencak dan silat, gayung ialah nama khas sejenis silat. Perkataan gayung yang biasa digunakan bererti pencedok air atau sibur.

Makna yang lain ialah nama sejenis tongkat yang digunakan sebagai senjata.

Perkataan ini juga memberikan erti pukulan, tetak dan tikaman dengan senjata serta memberikan makna ‘ilmu gayung’.

Ilmu ini ialah sejenis mantera yang dibacakan untuk menyakiti atau membunuh orang dari jauh.

Dipandang dari segi penggunaan perkataan-perkataan pencak dan silat; di Singapura, Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan kebanyakan penduduk Sumatera menggunakan perkataan silat.

Di Pulau Jawa, mereka rata-rata menggunakan perkataan pencak dan kini digunakan pencak silat.

Hanya sedikit di Jawa Barat, terutam-

manya di Jakarta, ada yang menggunakan perkataan silat kerana penghijrahan penduduk luar ke ibu kota. Di pulau-pulau lain sekitar Nusantara penggunaannya berbaur antara pencak dan silat atau pencak silat.

Walau bagaimanapun, masih ada lagi yang berpendapat bahawa perkataan pencak dan silat itu berbeza erti. Pencak dikatakan memberi erti seni mempertahankan diri lengkap yang meliputi gerak-gerak langkah kesenian, bela diri dan amalan kebatinan.

Silat pula, katanya, tidak mempunyai amalan kebatinan. Anehnya, pihak yang menggunakan perkataan silat juga membuat tuntutan yang sama, iaitu pencaklah yang tiada mempunyai amalan kebatinan dalam kandungan pelajarannya.

Mengingati bahawa perkataan-perkataan itu adalah seerti, maka seharusnya kedua-dua perkataan mempunyai pengertian yang sama.

Semoga keterangan-keterangan yang telah diberi akan dapat membantu bakal pengguna untuk membuat pilihan.

Walau bagaimanapun, pihak Ikatan Pencak Silat Indonesia, IPSI, sudah mengambil ketetapan untuk menggunakan kedua-dua perkataan itu seerti sebagai langkah berhati-hati supaya tidak menimbulkan salah faham kepada mana-mana pihak.

Mengenai perkataan seni yang terka-

dang ada mengawali nama kumpulan pencak silat seperti Seni Pencak Silat Hulubalang, misalnya.

Itu adalah sengaja digunakan untuk memperindah dan memberikan tekanan kepada nama serta nilai keseharian yang ada pada jenis silat tersebut.

Tanpa menggunakan perkataan seni juga tidak mengurangi nilai keseharian yang ada pada mana-mana pencak silat.

Ini umum diketahui kerana pencak silat sememangnya satu kegiatan seni dalam budaya kita.

Bagaimanapun, perlu diingat bahawa dalam pengertian seni pencak silat, yang dikatakan seni itu adalah gerak langkah pencak silat yang dilakukan dengan betul mengikut alirannya dan dapat digunakan mengikut keadaan dan kenerluannva.

Oleh itu, seninya lebih terletak pada gerak langkah yang dibuat dari nama pencak silat itu sendiri, iaitu sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Jadi, sama ada digunakan perkataan seni atau tidak, itu tiada-lah penting.

Istilah seni mempertahankan diri, seni bela diri, gerak pertahanan diri dan lain-lain juga mempunyai sifat pengertian yang sama seperti dalam pencak silat.

Ia adalah istilah umum bagi semua aliran seni mempertahankan diri sejagat, seperti gongfu, kuntau, jujitsu, karate, taekwando, aikido, kalaripayat, dan lain-lain.

Istilah ini juga boleh meliputi semua jenis gerak asal pertahanan diri yang digunakan oleh makhluk-makhluk awal yang menjadi penghuni alam ini.

Ia adalah gerak bela diri semulajadi yang diatur geraknya, digubah rangkaian-nya menurut evolusi zaman dan diamalkan sejak dahulu kala untuk mengatasi serangan atau untuk menyerang demi menyelamatkan diri.

Pada umumnya boleh dikatakan bahawa gerak bela diri itu adalah setua makhluk-makhluk yang mendiami alam ini, walaupun bentuk mereka atau di mana mereka berada.

Dengan itu bererti di kawasan Nusantara ini, gerak bela diri dalam bentuk asal-nya wujud semenjak ratusan ribu tahun lalu yang kemudian mengikut evolusinya ia dikenali sebagai pencak silat.